

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AWANG HUSAINI BIN SAHARI  
(PUTATAN)**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan perancangan Kementerian berkenaan dengan program khas untuk memulihkan sebanyak 4,000 hektar tanah sawah terbiar di negeri Sabah serta mengurangkan kadar kebergantungan terhadap beras-beras import.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program untuk membangunkan tanah terbiar di Negeri Sabah adalah di bawah seliaan kuasa Kerajaan Negeri.
2. Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM10.7 juta kepada Jabatan Pertanian Sabah melalui Projek Pembangunan Tanah Terbiar untuk membangunkan seluas 1,484 hektar tanah terbiar melibatkan seramai 1,283 orang petani. Tanah-tanah tersebut telah dibangunkan dengan pelbagai jenis tanaman seperti buah-buahan, sayur-sayuran, padi dan kelapa dengan jumlah pengeluaran keseluruhan yang dicatatkan berjumlah 225,578 metrik tan dan nilai pengeluaran sebanyak RM214.5 juta.
3. Projek ini juga menawarkan insentif kepada usahawan dan pemilik tanah pada kadar maksimum RM20,000/hektar secara *one-off* seperti berikut:

## SOALAN NO : 27

- i) pembangunan infrastruktur asas seperti pembersihan kawasan, sistem pengairan dan saliran serta pembinaan jalan ladang; dan
- ii) input pertanian berupa benih, baja, racun, mesin dan peralatan kecil.

4. Kementerian juga telah melaksanakan beberapa pendekatan bagi merencanakan penanaman padi bagi mengurangkan kadar kebergantungan terhadap beras-beras import seperti berikut:

- i) Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) ataupun lebih dikenali sebagai *soil profiling*. Program ini adalah untuk penggunaan baja dan kapur berdasarkan keperluan tanah yang berbeza mengikut kawasan;
- ii) Pendekatan Sawah Berskala Besar (SBB) iaitu dengan penglibatan entiti swasta dalam rangkaian penanaman padi dan pengeluaran beras;
- iii) Penggunaan sumber air secara konjuktif (*conjunctive*) iaitu secara bersepadu untuk penanaman padi;
- iv) Perluasan kawasan jelapang padi dan pengoptimaan kawasan jelapang sedia ada dengan menambahkan kawasan-kawasan terbiar;
- v) Penerokaan kawasan baru ke dalam Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA);
- vi) Penggunaan benih padi sah yang berkualiti bagi mengelakkan berlakunya kejadian benih padi angin;
- vii) Penggunaan teknologi moden dalam keseluruhan rangkaian industri padi dan beras; dan
- viii) Penglibatan golongan muda di dalam rangkaian penanaman padi dan beras.

5. Kementerian terus komited untuk meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga tahap sara diri mencecah 75% seperti yang digariskan dalam Kertas Strategi RMKe-12 bagi industri padi.

Sekian, terima kasih.